

25 JAN 2000

AGONG HANTAR UCAPAN TAHNIAH KEPADA INDIA

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden K.R. Narayanan sempena Hari Republik India esok.

Seri Paduka melahirkan rasa gembira bahawa hubungan baik yang sudah lama terjalin antara Malaysia dan India telah dimajukan secara berterusan oleh kedua-dua kerajaan meliputi pelbagai bidang seperti hubungan ekonomi, perdagangan dan kebudayaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Atal Behari Vajpayee.

Dr Mahathir berkata beliau yakin perhubungan rapat antara Malaysia dan India akan menjadi lebih mantap dan dimajukan bagi manfaat bersama.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan tahniah kepada rakan sejawatannya Jaswant Singh.

-- BERNAMA

NY LAT MAI